




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

17 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 4,794 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 292,545 kes. 14 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di daerah Tawau, tiga (3) kes di Tuaran, dua (2) kes di Kota Kinabalu dan masing-masing satu (1) kes di Kalabakan, Kudat, Ranau, Keningau serta Lahad Datu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,708 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 249,995 orang. Manakala 2,889 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,352 orang di hospital, 1,281 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 255 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 45 orang merangkumi 39 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 56 (21.62%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah.
- Zon Merah 26 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Angka jangkitan baharu bagi Negeri Sabah hari ini susut sedikit kepada 4,794 kes, iaitu penurunan sebanyak 288 kes berbanding semalam. Tetapi melihat kepada jumlah jangkitan sporadik dalam komuniti yang amat tinggi iaitu 3,076 kes atau hampir 64.2% daripada jumlah jangkitan, adalah diramal jumlah kes harian akan terus berada dalam paras yang tinggi dalam masa terdekat.
- b. Sebanyak 13 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 904 kes, Penampang 513 kes, Sandakan 459 kes, Tuaran 444 kes, Papar 347 kes, Tawau 273 kes, Lahad Datu 242 kes, Beaufort 203 kes, Ranau 195 kes, Kota Belud 156 kes, Kota Marudu 149 kes, Keningau 136 kes dan Putatan 128 kes. Bilangan daerah yang mencatatkan kes pada dua (2) angka ialah 13 daerah dan Tongod pada hari ini menjadi daerah dengan catatan sifar (0) kes.
- c. Bilangan kluster di seluruh Sabah juga meningkat kepada 41 kluster hari ini, berikutan pertambahan tiga (3) kluster baharu, kesemuanya kluster institusi pendidikan, yakni Kluster Batu Enam Kota Belud, Kluster Jalan Sugut Ranau dan Kluster Kemburongoh 2 di Ranau. Terdapat satu (1) kluster tamat pada hari ini iaitu Kluster Jalan Kepayan Tambunan yang melibatkan SMK Tambunan, kluster institusi pendidikan yang pertama dikesan pada tahun ini.
- d. Di Kota Belud, Kluster Batu Enam Kota Belud adalah kluster institusi pendidikan yang melibatkan pelajar asrama SMK Taun Gusi 2. Kes indeks adalah seorang pelajar perempuan, warganegara, 15 tahun, yang mula bergejala pada 9 Februari 2022 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Kota Belud, didapati positif pada 10 Februari 2022. Kes telah dihantar ke pusat kuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai. Saringan terhadap kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas telah mendapati lebih ramai yang terjangkit menjadikan jumlah kumulatif kes positif 19 kes setakat 17 Februari 2022. Semua kes telah dihantar ke pusat kuarantin dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

- e. Kluster Jalan Sugut Ranau diisytiharkan di daerah Ranau hari ini dan melibatkan warga SMK Ulu Sugut. Indeks kes adalah seorang guru wanita, 39 tahun, warganegara, dikesan melalui saringan bergejala pada 7 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat telah mendapati lebih ramai yang didapati positif dan jumlah keseluruhan yang terlibat setakat 17 Februari 2022 ialah 49 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- f. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan di daerah Ranau ialah Kluster Kemburongoh 2 yang melibatkan warga SMK Kemburongoh. Indeks kes adalah seorang lelaki, 52 tahun, warganegara dan merupakan seorang pengawal keselamatan di SMK Kemburongoh yang dikesan positif melalui saringan bergejala pada 7 Februari 2022. Secara keseluruhannya jumlah kumulatif yang positif ialah 54 kes setakat 17 Februari 2022 setelah saringan dibuat keatas kontak-kontak rapat. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- g. Sejumlah 99.56% atau 4,773 daripada 4,794 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2. 11) dalam Kategori 3, sembilan (9) kes dalam Kategori 4 dan satu (1) kes dalam Kategori 5 pada hari ini.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,356) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	45	0.94%
2	Kontak	1,356	28.29%
3	Bergejala	3,076	64.16%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	317	6.61%
JUMLAH		4,794	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (16 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 16/02/2022	Catatan Kes 17/02/2022	Perbandingan
1	Beaufort	144	203	+59
2	Penampang	463	513	+50
3	Papar	313	347	+34
4	Kuala Penyu	61	90	+29
5	Tambunan	47	72	+25
6	Tenom	31	56	+25
7	Tuaran	421	444	+23
8	Kota Belud	137	156	+19
3	Beluran	52	71	+19
10	Pitas	34	52	+18
11	Kalabakan	0	16	+16
12	Kinabatangan	40	51	+11
13	Kunak	49	53	+4
14	Telupid	45	47	+2
15	Kota Kinabalu	1,086	904	-182
16	Putatan	222	128	-94
17	Ranau	266	195	-71
18	Kota Marudu	216	149	-67
19	Keningau	181	136	-45
20	Sandakan	500	459	-41
21	Tawau	310	273	-37
22	Kudat	51	25	-26
23	Tongod	22	0	-22
24	Lahad Datu	263	242	-21
25	Nabawan	30	18	-12
26	Semporna	45	43	-2
27	Sipitang	53	51	-2
JUMLAH		5,082	4,794	-288

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	5	212	592	0	95	904	8,873
Penampang	0	188	315	0	10	513	4,053
Sandakan	0	5	436	0	18	459	5,229
Tuaran	0	210	215	0	19	444	3,834
Papar	0	112	230	0	5	347	2,622
Tawau	1	32	168	0	72	273	2,508
Lahad Datu	0	36	172	0	34	242	2,083
Beaufort	0	37	164	0	2	203	1,461
Ranau	18	74	79	0	24	195	1,635
Kota Belud	18	53	82	0	3	156	1,279
Kota Marudu	2	79	63	0	5	149	1,259
Keningau	0	64	69	0	3	136	1,092
Putatan	0	6	122	0	0	128	1,177
Kuala Penyu	0	53	36	0	1	90	680
Tambunan	0	14	56	0	2	72	328
Beluran	0	36	35	0	0	71	418
Tenom	0	23	32	0	1	56	287
Kunak	0	16	34	0	3	53	595
Pitas	0	19	30	0	3	52	214
Sipitang	0	26	24	0	1	51	454
Kinabatangan	0	18	29	0	4	51	471
Telupid	0	24	21	0	2	47	426
Semporna	0	0	37	0	6	43	535
Kudat	0	3	18	0	4	25	401
Nabawan	1	15	2	0	0	18	188
Kalabakan	0	1	15	0	0	16	34
Tongod	0	0	0	0	0	0	93
JUMLAH	45	1,356	3,076	0	317	4,794	42,229

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Tembok Kota Kinabalu 2	4
	Kluster Sutera 2	1
Ranau	Kluster Jalan Sugut Ranau	17
	Kluster Kemburongoh 2	1
Kota Marudu	Kluster Jalan Bandau	2
Kota Belud	Kluster Batu Enam Kota Belud	8
	Kluster Jubi Tambulion	10
Tawau	Kluster Jalan Apas Batu Lima	1
Nabawan	Kluster Loboh Nabawan	1
Jumlah		45

- 6 Terdapat tiga (3) **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Jalan Sugut Ranau - Ranau** dikesan pada 07 Februari 2022 melalui saringan bergejala seorang wanita tempatan, 39, dan merupakan guru di SMK Ulu Sugut. Kluster institusi pendidikan ini merekodkan 17 kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49 kes positif COVID-19 setelah saringan terhadap 66 kontak rapat. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

- ii **Kluster Batu Enam Kota Belud - Kota Belud** merekodkan lapan (8) kes baharu, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 19 kes. Kluster ini melibatkan pelajar asrama SMK Taun Gusi 2 sekali gus dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks adalah pelajar perempuan, 15, yang mula bergejala sejak 09 Februari 2022 kemudiannya didapati positif COVID-19 RTK AG pada 10 Februari 2022 ketika mendapatkan rawatan di Hospital Kota Belud. Kes indeks juga telah dihantar ke pusat kuarantin dan diberikan rawatan yang sesuai. Saringan turut dijalankan terhadap 248 kontak rapat yang terdiri daripada rakan sebilik dan rakan sekelas. Semua kes telah dihantar ke pusat kuarantin dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- iii **Kluster Kemburongoh 2 - Ranau** juga merupakan kluster institusi pendidikan dan jangkitan didapati menular dalam kalangan warga SMK Kemburongoh. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 52, pengawal keselamatan di sekolah berkenaan yang dikesan melalui saringan bergejala pada 07 Februari 2022. Daripada 66 saringan kontak rapat yang dijalankan, kluster ini mengesan 54 kes positif COVID-19 secara kumulatif, termasuk pertambahan satu (1) kes baharu hari ini. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

7 Jumlah kapasiti katil 4,344 unit

- Hospital 1,702 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,226 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 388 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 66.51%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 17 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	4667
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	126
Jumlah	4,794

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Pahang	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	4,600
Bukan Malaysia	194
Jumlah	4,794

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	255
Belum Menerima Vaksin (5-11)	387
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	189
Menerima 1 Dos	4
Lengkap 2 Dos	3,053
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	906
Jumlah	4,794

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	46
1 to 5	202
6 to 11	390
12 to 17	345
18 to 25	785
26 to 59	2,723
>60	304
Jumlah	4,794

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 16 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,331 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,181 orang adalah penduduk dewasa, 68 orang adalah penduduk remaja 2,082 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 16 Februari 2022 adalah seramai 2,471,979 orang. Ini meliputi 2,118,160 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.97% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,412,106 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,688 orang atau 77.25% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,107 orang atau 79.33% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,418 atau 73.54% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 15,703 atau 3.82% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **682,485** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Ingkar Perintah Kuarantin.
 - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 202 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 936 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak tiga (3) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 543 premis perniagaan dan 944 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 331 Premis Perniagaan melibatkan 147 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 28 premis, melibatkan 10 buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 108 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 203 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	97.8%
2	Kunak	97.7%
3	Beluran	97.6%
4	Kudat	97.6%
5	Keningau	97.6%
6	Semporna	97.6%
7	Beaufort	97.6%
8	Kinabatangan	97.5%
9	Ranau	97.4%
10	Kota Marudu	97.4%
11	Tenom	97.4%
12	Sandakan	97.4%
13	Lahad Datu	97.3%
14	Kota Belud	97.3%
15	Tuaran	97.3%
16	Papar	97.3%
17	Tawau	97.2%
18	Kota Kinabalu	97.2%
19	Penampang	97.2%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II